

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI POLIS RENDAH DAN KONSTABEL

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Gred Y1, Y2, Y4, Y5/6, Y8, Y10

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Polis Diraja Malaysia

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas kepolisan selaras dengan fungsi PDRM. Antara tugas-tugas tersebut ialah melaksanakan penguatkuasaan undang-undang; melindungi dan memelihara keamanan, ketenteraman awam serta keselamatan negara; menjalankan siasatan dan tangkapan; menjalankan risikan keselamatan; mengatur dan mengawal trafik; tadbir urus sumber manusia PDRM; dan lain-lain.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Penguatkuasaan Undang-Undang

- a. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang.

4.2 Mengekalkan Keamanan dan Keselamatan

- a. Menjalankan rondaan keselamatan.
- b. Mengawal ketenteraman awam.
- c. Melindungi dan mengawasi keselamatan rakyat dan negara.
- d. Bertindak balas terhadap kecemasan untuk memberikan bantuan.

4.3 Penyiasatan Dan Pendakwaan

- a. Mengumpul maklumat siasatan.
- b. Menjalankan dan mengurus siasatan aktiviti yang menyalahi undang-undang atau mencurigakan.
- c. Mengawal keselamatan dan ketenteraman di mahkamah.
- d. Memberi keterangan pada prosiding perundangan.

4.4 Mengumpul Risikan Keselamatan

- a. Mengesan, mengumpul, menganalisis dan melaporkan risikan keselamatan.

4.5 Mencegah Dan Mengesan Jenayah

- a. Melaksanakan strategi pencegahan jenayah.
- b. Menjejaki dan mengesan aktiviti – aktiviti jenayah.
- c. Menangkap pesalah.
- d. Memberi khidmat nasihat dan menyebarkan luas perkara berkaitan pencegahan jenayah kepada masyarakat.

4.6 Skop, Fungsi Dan Tugas-Tugas Lain (Seksyen 20 Dan 21 Akta Polis 1967)

- a. Menjalankan tugas mengawal keselamatan di jalan raya dan tugas mengawal lalu lintas.
- b. Menjalankan tugas mengawal keselamatan di persisiran pantai dan perairan Malaysia.
- c. Menjaga keselamatan di sempadan, tempat pendaratan (pelabuhan dan lapangan terbang) dan tempat-tempat awam.
- d. Memberi bantuan kepada inter dan intra agensi dalam melaksana dan menguatkuasa undang-undang.
- e. Menyempurnakan saman/ sepina/ waran/ perintah penjara dan proses lain yang dikeluarkan secara sah oleh pihak berkuasa yang kompeten.
- f. Menyebarkan maklumat untuk kepentingan awam.
- g. Memberi perlindungan harta yang tidak dituntut/ hilang.
- h. Memberi perlindungan harta awam daripada hilang atau rosak.
- i. Menghadiri perbicaraan di mahkamah.
- j. Mengiringi dan menjaga banduan serta orang tahanan.
- k. Mengiringi dan menjaga keselamatan orang kenamaan.
- l. Mencari dan menyelamatkan (bencana/orang hilang — MKN No. 20).

- m. Menjalankan tugas sebagai Kumpulan Bantuan Kecemasan dan Kumpulan Penggempur dalam Operasi Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan (MKN No. 18).

4.7 Pengurusan Organisasi

- a. Menghadiri latihan/ seminar/ bengkel dan seumpamanya.
- b. Melaksanakan tugas sebagai tenaga pengajar.
- c. Menjalankan aktiviti tadbir urus sumber manusia PDRM.

4.8 Tugas-Tugas Am (Tambahan)

- a. Pemandu kenderaan PDRM.
- b. Jurumudi bot (*boatman*) PDRM.
- c. Melaksanakan tugas-tugas odeli/ messman PDRM.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Rakan sekerja.
- b. Pengurusan Tertinggi PDRM, Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Awam dalam PDRM.

Luaran

- a. Orang awam.
- b. Syarikat swasta.
- c. Ketua Jabatan/agensi kerajaan.
- d. Badan-badan bukan kerajaan (NGO's).
- e. Golongan profesional.
- f. Agensi penguatkuasaan luar negara.

6. PERSEKITARAN KERJA

Dalaman

- a. Mewujudkan suasana bekerja yang harmoni melibatkan individu/ unit dan melaksanakan tugas-tugas mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Luaran

- a. Menjalinkan kerjasama dengan masyarakat secara profesional, berkualiti dan berintegriti.

7. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

- a. Mengikuti latihan dalam dan luar negara sebagaimana yang diarahkan/ ditetapkan oleh Ketua Polis Negara atau mana-mana Pegawai Kanan Polis yang diperturunkan kuasa kepadanya.

8. ANCAMAN

- a. Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman terhadap nyawa, kemalangan, ugutan dan fitnah.
- b. Terdedah kepada penyakit berbahaya, pencemaran toksik dan pencemaran udara.
- c. Terdedah kepada tekanan mental.
- d. Terdedah kepada ketidaktentuan kawalan pengurusan masa disebabkan perubahan waktu ekoran keperluan tugas.
- e. Rasuah.

9. NILAI KEPERIBADIAN DAN KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN

- a. Keberanian dan keyakinan.
- b. Kestabilan emosi.
- c. Amanah.
- d. Kompeten.
- e. Responsif dan progresif.
- f. Setia dan bertanggungjawab.
- g. Prihatin dan mesra.
- h. Kebijaksanaan.